



Peranan Istana Melaka Sebagai Pusat Keilmuan dan Pusat Pendidikan

Peranan Istana Melaka

- Di istana berlaku kegiatan menterjemah dan menyadur kitab-kitab agama Islam. Istana juga menjadi tempat menyimpan kitab tersebut.
- Kitab yang diterjemah seperti *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*.
- Istana menjadi tempat perkumpulan golongan cerdik pandai yang terdiri daripada jurutulis, pengarang dan ulama
- Terdapat kegiatan menterjemah dan menyedur karya sastera dari Arab dan Parsi.
- Hikayat Melayu turut dihasilkan seperti *Hikayat Hang Tuah* dan *Hikayat Bayan Budiman*.
- Istana Melaka juga dijadikan tempat menyimpan atau perpustakaan kitab-kitab agama dan sastera saduran.
- Istana juga menjadi tempat mengadakan perbincangan dan perdebatan alim ulama mengenai hal agama. Contohnya, kitab *Darul Manzum* yang menjadi kitab rujukan utama
- Istana Melaka menjadi pusat penyebaran dan pengajian Islam serta tempat pertemuan ulama dan pendakwah yang datang dari Arab, India dan Pasai. Contohnya, seperti ahli tasawuf yang terkenal di Melaka ialah Abdul Karim al-Jili. Beliau mengarang kitab *Insan al-Kamil*.
- Ulama menjadi guru agama kepada sultan, pembesar dan rakyat. Sultan Mansur Shah berguru dengan Maulana Abu Bakar, manakala Sultan Mahmud Shah berguru dengan Kadhi Yusof.
- Istana Melaka juga dikunjungi oleh Wali Songo dari Jawa, iaitu Sunan Banang, Sunan Giri, Sunan Kalijaga dan sahabatnya Syeikh Sutabaris untuk mendalami ilmu agama.
- Istana giat menganjurkan penulisan dan penafsiran ilmu sejarah dan tasawuf serta falsafah Islam.